

SENARIO PENSTRUKTURAN PENGAJIAN ISLAM DI MALAYSIA

Muhammad Zulazizi Mohd Nawi

zulazizi0902@gmail.com
Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris

Article History:

Received: 23 November 2021

Accepted: 4 October 2021

Published: 7 October 2021

ABSTRAK

Artikel ini memfokuskan kajian terhadap transformasi pengajian aliran Islam yang berlaku di Malaysia sejak dari zaman kemerdekaan. Sorotan telah dilakukan terhadap pusat-pusat pengajian berteraskan Islam sama ada berbentuk formal ataupun tidak formal. Kajian ini bertujuan melihat sejauh mana sumbangan institusi pengajian Islam dan sejarah perkembangannya dalam mentransformasikan serta menjana pembangunan insan holistik di Malaysia. Bagi mencapai objektif, kajian ini dilaksanakan menggunakan metode kepustakaan yang terdiri daripada rujukan artikel, buku, tesis, akhbar dan sebagainya. Kajian ini mendapati, institusi pengajian Islam pondok, madrasah dan universiti atau kolej universiti menyumbangkan impak positif dan menjadi teras pengajian Islam awal di Malaysia selain bermatlamat membangunkan manusia yang berstatus ulama, cendekiawan serta teknokrat Muslim yang disegani. Diharapkan institusi-institusi pengajian Islam yang telah wujud di Malaysia ini mampu menggalas amanah dan tanggungjawab bagi mencapai visi dan misi 'ummah' agar selari dengan tuntutan zaman moden.

Kata Kunci: *Struktur Pengajian Islam, Transformasi Pengajian Aliran Islam, Sumbangan Institusi Pengajian Islam, Sejarah Perkembangan, Penjana Insan Holistik.*

RESTRUCTURING SCENARIOS OF AN ISLAMIC STUDIES IN MALAYSIA

ABSTRACT

This article focuses on the study of the transformations of Islamic studies that have taken place in Malaysia since independence. The highlights have been made to Islamic-based centers of study whether formal or informal. This study aims to look at the contribution of Islamic educational institutions and their developmental history to transform and generate holistic human development in Malaysia. To achieve this objective, the study was conducted using the library method which consisted of references to articles, books, theses, newspapers and so on. The study found that institutions of Islamic studies, colleges and universities or university colleges contributed positively and become the core of early Islamic studies in Malaysia besides aiming to develop the well-being of Muslim scholars and technologists. It is hoped that the existing Islamic educational institutions in Malaysia are able to develop the trust and responsibility of achieving the vision and mission of the 'ummah' in line with the demands of modern times.

Keywords: *Structure Of Islamic Studies, Transformation Of Islamic Studies, Contributions Of Islamic Studies Institutions, A Developmental History, Holistic Human Generators.*

PENGENALAN

Rentetan daripada perkembangan negara ke arah pesat membangun, kini pengajian Islam di Malaysia telah menunjukkan pembangunan pantas dan tersusun. Pembangunan yang terlalu pantas ini dapat dilihat melalui peningkatan kewujudan beberapa Institusi Pengajian Tinggi sama ada dalam sektor awam oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) ataupun dalam sektor swasta oleh persendirian. Dari segi aspek tersusunnya pula, sistem pengajian Islam yang ada di Malaysia telah memberi kesempatan kepada mana-mana rakyat Malaysia dengan kelayakan yang ada bagi meneruskan pengajian dan berusaha mempelajari keilmuan Islam secara mendalam selain boleh memantapkan jati diri modal-modal insan siswazah Muslim yang boleh menjadikan agenda masyarakat dan negara tercapai.

Sudah pasti matlamat dan hala tuju utama bagi sistem pengajian Islam di Malaysia di seluruh negara adalah ke arah untuk melahirkan modal insan yang standard dan holistik merangkumi keilmuan, keimanan, dan amalannya. Hasilnya, pengajian Islam akan berjaya melahirkan individu Muslim yang mampu memberikan sokongan terhadap ketenteraman dan kesejahteraan umat manusia atau negara. Dalam konteks perkembangan masyarakat dan negara masa kini dan dunia tanpa sempadan menjadikan cara kehidupan dan bagaimana manusia berinteraksi begitu cepat berubah dan ia mempengaruhi serta mencengkam erat masyarakat kita.

Oleh sebab itu, halatuju utama pengajian Islam adalah untuk membangunkan manusia yang syumul dan seimbang antara lahiriah (fizikal) dan rohaniah (spiritual). Kedua-dua aspek ini adalah saling bertaut dan sangat penting dalam membentuk suatu komunikasi, partisipatif, serta berupaya menjadi penyelesaian masalah umat sama ada di peringkat nasional mahupun di peringkat antarabangsa. Terdapat beberapa keadaan yang menjadi perbincangan nasional yang memerlukan kepada perancangan dan penyelarasan tindakan-tindakan secara bersepadu dan peranan pengajian Islam dari segi perjalanan serta matlamatnya.

Senario dan keadaan yang dimaksudkan tersebut adalah pembangunan terhadap strategi menghadapi arus globalisasi, pembangunan Islam di Malaysia, perkembangan institusi pengajian Islam, ciri-ciri kebolehpasaran siswazah pengajian Islam yang memenuhi permintaan pasaran sekarang, kualiti pensyarah yang tidak mempunyai kemahiran dan kelayakan sewajarnya, kualiti pengajian Islam tidak terjaga, fasiliti dan infrastruktur tidak mencukupi, kurikulum yang tidak mempunyai pengiktirafan dan sebagainya.

Perkembangan zaman dengan ledakan teknologi dan multimedia serta segala perubahan pembangunan fasiliti sudah tentu mempengaruhi pola dan perjalanan kehidupan masyarakat masa kini. Umat Islam terutamanya tidak terkecuali dalam rintangan dan cabaran ini yang mana memerlukan mereka untuk terus mengorak langkah ke hadapan agar tidak ditelan oleh arus pemodenan ini. Bentuk pengajian Islam di Malaysia terdiri daripada pelbagai jenis institusi pengajian seperti pondok, sekolah, kolej Islam, kolej universiti dan universiti.

Memandangkan sistem dan situasi pengajian Islam di Malaysia dibina daripada institusi-institusi berkenaan dan keperluan kepada para pelajar pengajian Islam untuk mengetahui tentang peranan pengajian Islam yang telah lama wujud sejak zaman sebelum Malaysia dijajah oleh Kolonial British lagi. Jadi, di sini akan dijelaskan berkaitan dengan senario dan latar belakang institusi pengajian tersebut, para tenaga pengajar yang terlibat, kurikulum yang digunakan dan lain-lain aspek yang berkaitan:

Pondok

Tidak dapat disangkal bahawa Islam merupakan komponen penting yang turut membentuk dan mewarnai corak kehidupan rakyat Malaysia. Keberhasilan Islam menembusi dan mempengaruhi kehidupan masyarakat Malaysia serta menjadikannya sebagai agama rasmi di negara ini merupakan suatu perkara yang luar biasa. Walhal, pada hakikatnya apabila dilihat perbandingan dari segi geografi dan kedudukan jarak negara-negara di Timur Tengah dengan Malaysia, jazirah Arab amatlah jauh. Apatah lagi jika dilihat sejak permulaan proses penyebaran Islam itu sendiri di kepulauan nusantara ini, belum ada metod atau organisasi dakwah yang dianggap cukup efisien dan efektif untuk memperkenalkan Islam kepada seluruh masyarakat.

Sehubungan itu, apabila berbincang mengenai sistem pendidikan Islam di Malaysia, ia sangatlah erat hubungannya dengan kedatangan Islam itu sendiri ke Malaysia. Menurut Mohamad Yusoff dan Hashim (2017), pendidikan Islam mula bertapak di Alam Melayu di Melaka sekitar abad ke 14 melalui pedagang Arab. Kemasukan pendidikan Islam ke rantau ini telah menyemarakkan budaya ilmiah dalam kalangan masyarakat (Abdullah Muhammad et. al, 2007). Sejarah perkembangan awal sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu bermula daripada sistem pengajian di rumah-rumah guru agama, madrasah atau surau, pondok dan akhirnya wujud sistem persekolahan yang lebih tersusun dan bersistematik. Hakikatnya, institusi pengajian pondok adalah sebuah institusi pengajian konvensional yang unik kerana memiliki caranya tersendiri dan disebabkan itulah ianya sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan di 'hati' masyarakat sama ada pada zaman dahulu mahupun pada zaman kontemporari ini.

Perwatakan anak murid pula sangat bersederhana, cukup hanya sekadar mengenakan pakaian tradisional orang Melayu, kain sarung dan serban putih di kepala. Lagipun pula, para pelajar yang tamat belajar di sesebuah institusi pengajian pondok akan berkelana ke institusi pengajian pondok yang lain bagi mencari ilmu pengetahuan baharu. Terdapat juga pelajar yang berpeluang melanjutkan pelajaran di Timur Tengah. Pengajian yang wujud di institusi ini turut sinonim dengan alim ulama' dalam kalangan orang Melayu dan kemasyhuran sistem pondok kebiasaannya adalah melalui pondok naungan mereka sebagai tempat kelahiran dan berbakti. Ketokohan keilmuan ulama' tersebut boleh dilihat dengan jelas melalui kepimpinannya terhadap gaya pengurusan pondok asuhannya sehinggalah ianya menjadi suatu pengaruh yang dapat diterima oleh masyarakat.

Menurut Dusuki (2016), sejarah perkembangan institusi pengajian pondok di Malaysia yang berpusat di wilayah-wilayah pantai timur dan utara semenanjung Malaysia seperti Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Pulau Pinang adalah berasal dari di selatan wilayah Patani, Thailand Perkembangan pesat dan berfokus bagi institusi pengajian pondok di semenanjung Tanah Melayu berlaku disebabkan faktor kedudukan yang berhampiran dengan sempadan daerah Thailand.

Di Kelantan, Terengganu dan Kedah sebagai contohnya, tok guru pondok dalam kalangan orang Melayu yang mendapat pendidikan Islam secara menadah kitab di Timur Tengah seperti Mekah dan Yaman, akan pulang ke negeri-negeri tersebut kemudiannya membuka pusat-pusat pengajian Islam yang mana aktif menyampaikan ilmu kepada masyarakat. Sejarah juga membuktikan bahawa, perkembangan atau penerimaan awal pengajian Islam pondok di Kelantan, Terengganu dan Kedah berkait besar dengan pemerintahan serta kedudukan kerajaan Indonesia dan Patani pada ketika itu (Mohamad Rawi *et al.*, 2015)

Sebagaimana seperti pusat-pusat pendidikan yang lain, silibus pengajian pondok juga berubah dari masa ke semasa tetapi tetap berlandaskan ajaran Islam. Sistem kurikulum pengajian pondok bermula sejak awal kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada abad ke-19 yang mana merangkumi hukum hakam dan masalah-masalah yang berhubung dengan Islam seperti ilmu sirah, tauhid, hadis, akidah, al-Quran, tafsir, fekah, usul fekah, mustolah hadis, tasawwuf, *Nahwiah wa Sorfiah*, akhlak dan intipati wirid, doa, mujarabat (Tib, Tajul, Muluk) mempunyai bersabit dengan kegiatan atau aktiviti seharian. Abdullah Ishak (1995) mengatakan bahawa, setiap ilmu yang ingin dipelajari mestilah dilalui dan ditempuhi mengikut peringkat-peringkat pengajian yang telah ditetapkan iaitu peringkat permulaan, peringkat sederhana dan peringkat tertinggi.

Bagi peringkat permulaan, para pelajar hendaklah mempelajari asas-asas pengukuhan bahasa dan agama seperti ilmu Nahu dan Saraf (matan al-Jurumiyyah dan matan Bina') di samping juga diberikan pendedahan melalui metode penulisan (kitabah) dan penguasaan tulisan jawi, bahasa Arab dan membaca al-Quran. Pada peringkat pertengahan, para pelajar akan mendalami ilmu fekah dan usuluddin dengan segala cabang-cabangnya. Manakala, pada peringkat tertinggi pula para pelajar akan menelusuri sesuatu pengajian yang lebih mendalam dan terperinci iaitu melalui penumpuan kepada kitab-kitab berbahasa Arab dan bertulisan jawi seperti ilmu fekah (kitab Sabilal Muhtadin lit-Tafaquh fi Amrid-din atau kitab Al-Shirath al-Mustaqim atau kitab Matla' al-Badrain wa Majma' al-Bahrain), tasawuf (kitab Hidayah al-Salikin fi Suluk Maslak al-Muttaqin atau kitab Sair al-Salikin ila 'Ibadati Rabbil 'Alamin) dan usuluddin (kitab Al-Durr al-Thamin atau kitab sifat 20) secara keseluruhannya.

Metode pengajarannya juga mudah iaitu pelajar-pelajar bersila menghadap tuan guru dengan berbekalkan naskah teks tradisional bertulisan Melayu Jawi dan bahasa Arab di tangan. Para pelajar akan mendengar dan mencatat syarahan yang disampaikan oleh tuan guru di dalam kuliahnya.

Kebiasaannya kaedah pengajian yang diamalkan di pondok dikenali sebagai sistem halaqah atau bulatan atau umami.

Menurut Maimun Aqsha Lubis *et al.* (2016), Abdullah (2014) dan Awang Hadi (1997), antara kaedah PdP yang masih terkenal dan masih diamalkan oleh masyarakat Malaysia hari ini sama ada di masjid atau di mana-mana tempat majlis ilmu adalah:

1. Kaedah PdP berbentuk *talaqqi musyafahah* (menadah kitab) atau sistem umum yang digunakan di pondok, surau, masjid dan madrasah pada zaman sebelum serta sewaktu penjajahan British adalah sama seperti kaedah yang dijalankan di Masjidil Haram.
2. Sewaktu belajar, murid-murid dikehendaki duduk bersila dalam satu bulatan yang hampir tertutup (sistem halaqah). Bahagian yang terbuka itu ialah untuk guru.
3. Tempat guru itu biasanya berlapis dengan hamparan. Setelah itu guru mengajar dengan menggunakan teknik syarahan dan merujuk kepada sebuah kitab.
4. Setiap murid akan membuka catatan pada ruangan kosong yang disediakan di tepi halaman kitab. Biasanya guru akan membaca kitab itu dalam bahasa Arab dan kemudiannya menerangkan dalam bahasa Melayu.
5. Menurut Abdullah Ishak (1995) pula, kebiasaan guru menggunakan sepenuh masa memberi kuliah tanpa ruang dan masa untuk soal jawab. Kaedah soal jawab akan dijalankan oleh pembantu guru yang dikenali sebagai 'kepala telaah'.
6. Pelajaran yang diajar bukan mengikut sukatan tertentu tetapi mengikut kitab. Apabila tamat sesebuah kitab, murid-murid akan diajar kitab yang lain pula. Apabila sesebuah kitab berjaya dihabiskan, perkara ini menunjukkan bahawa para pelajar telah menggapai peningkatan dalam pengajian mereka.

Silibus pengajian yang diajar juga bukan mengikut kurikulum khusus akan tetapi berdasarkan kepada pengajian kitab itu sendiri. Apabila tamat pengajian untuk sesebuah kitab, pelajar-pelajar akan diajar kitab yang lain pula dan ini menunjukkan suatu indikator bahawa para pelajar telah mencapai peningkatan dalam aktiviti pengajian mereka. Bagi aktiviti pembelajaran yang lain pula, pelajar-pelajar bebas untuk melakukan aktiviti kesenian seperti berqasidah, berpantun, bersajak, berzanji dan bernasyid mengikut bakat dan tahap penguasaan ilmu.

Pelajar-pelajar juga bebas untuk memilih mana-mana kelas yang dirasakan sesuai dan ianya bergantung kepada tahap kerajinan diri sendiri (Yusopp, 2002). Justeru, sebagai kesimpulannya, dapatlah dikatakan bahawa pengajian Islam di pondok merupakan suatu bentuk pendidikan yang menekankan kepada prinsip-prinsip ideal berkenaan beberapa perkara pokok dalam ajaran Islam. Keterbukaan sistem ini adalah untuk mengajar manusia tentang kebebasan berfikir di samping dapat memberi peluang untuk beramal dengan segala konsep hidup Islamiah

Madrasah

Bertitik tolak daripada sistem pondok, pengajian Islam diperkemaskan lagi melalui sistem madrasah atau sekolah agama yang dilengkapi dengan kemudahan prasarana dan infrastruktur seperti bangunan sekolah, asrama, fasiliti rekreasi dan pejabat pengurusan. Institusi ini lahir semasa gerakan Islah di Timur Tengah sedang rancak berlaku (Muhamad, 2016). Implikasi harakah Islah dari sana juga memberikan suntikan baharu kepada penduduk di Tanah Melayu apabila para pelajar yang menimba ilmu di Universiti Al-Azhar, Mesir kembali ke Tanah Melayu membawa transformasi bersama. Mereka berusaha untuk mengubah sikap orang Melayu supaya memahami Islam dalam bentuk yang lebih lengkap. Antara tokoh yang terlibat dalam usaha untuk mengubah sistem pengajian Islam yang lebih sistematik ialah Sheikh Tahir Jalaluddin, Sheikh Al-Hadi dan rakan-rakan yang kebanyakannya berdarah Minang dan Arab (Mohd Nor dan Wan Othman, 2011).

Secara realitinya, sudah tidak dapat disangkal lagi bahawa, sistem pengajian Islam mula diberi perhatian setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahun 1960, kerajaan mula menggubal undang-undang pengajian dan menguatkuasakan satu akta iaitu kewajipan menyalurkan pendidikan agama Islam kepada semua pelajar beragama Islam atau di mana-mana sekolah yang memiliki pelajar yang menganut agama Islam (Mat Diah, 1989). Disebabkan hal inilah, terdapat berbagai-bagai jenis sekolah agama yang wujud sekarang dan pelbagai pihak cuba melaksanakan

pendidikan Islam sebagai satu “sistem” seperti mana yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri, kerajaan persekutuan, pihak swasta dan orang persendirian.

Berikut adalah beberapa contoh madrasah atau sekolah atau sistem pengajian Islam yang telah dilaksanakan di peringkat sistem persekolahan pada zaman sekarang ini (Tamuri & Jasmi, 2009; Mohd Hanif Mat Nor, 2003):

1. Sekolah agama di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan di peringkat menengah
 - a. Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)
 - b. Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP),
 - c. Kolej Islam Sultan Alam Syah (KISAS)
 - d. Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) menawarkan kelas aliran agama (KAA).
 - e. Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)
 - f. Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)
 - g. Sekolah Menengah Agama Persekutuan (SMAP)
2. Sekolah agama di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri di peringkat menengah
 - a. Sekolah Rendah Agama Negeri (SRAN)
 - b. Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN)
3. Sekolah agama di bawah kelolaan Majlis-majlis Agama dan Zakat di peringkat rendah dan menengah.
 - a. Sekolah Rendah KAFA
4. Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dibangunkan oleh masyarakat setempat dan dikendalikan oleh Lembaga Pengurusan Sekolah (LPS) di peringkat rendah dan menengah
 - a. Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR)
 - b. Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR)
5. Sekolah Agama (SA) yang dikendalikan oleh pihak swasta di peringkat rendah dan menengah.
 - a. Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI)
6. Maahad Tahfiz sama ada milik persendirian, kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat.
 - a. Sekolah Tahfiz sama ada milik persendirian, kerajaan negeri mahupun kerajaan pusat.
 - b. Maahad Tahfiz Sains

Pengajian Sistem Pondok Dan Sistem Madrasah

Dari sudut kandungan kurikulum atau manhaj pengajian di madrasah dan pondok, majoritinya menggunakan kurikulum yang hampir serupa dengan apa yang diamalkan di kebanyakan negara Islam. Kerencaman kurikulum ini disebabkan jenis ujian yang diduduki oleh pelajar-pelajar di setiap sekolah tersebut tidak sama. Pengajian Al-Quran merupakan komponen utama di samping hadis dan tidak diabaikan juga *tauhid, fiqh, akhlak, kitabah, nahu soraf* (tatabahasa Arab), kesusasteraan dan sejarah. Sudah pasti ini perlu ditegaskan bahawa, pendidikan agama Islam yang diperkenalkan di setiap sekolah kerajaan adalah bagi menentukan matlamat sistem pengajian Islam tanpa menganaktirikan sistem pondok dan madrasah atau sekolah agama. Dalam pengajian Islam, semua sistem pengajian sama ada terlibat secara langsung atau tidak dengannya mempunyai keistimewaan masing-masing dan perlu dimanfaatkan oleh semua pihak (Suhid *et al.*, 2015)

Antara salah satu pengaruh yang sangat penting terhadap bentuk pengajian Islam dari Timur Tengah di Malaysia adalah pengintegrasian kurikulum atau manhaj Diniyah yang menjadi lambang utama di sekolah-sekolah agama rakyat dan negeri. Kurikulum atau manhaj Diniyah juga menjadi tersangat penting di bagi menunjukkan ciri-ciri sesebuah sekolah agama. Hal ini telah dinyatakan oleh Umar & Hussin (2007 & 2008) melalui dapatan dari kajian yang dilakukan seperti berikut:

1. Satu kumpulan mata pelajaran dalam bidang pengajian Islam, bahasa dan kesusasteraan Arab serta berpengantar dalam bahasa Arab
2. Mengikut teori kurikulum Maahad Bu'uth Al-Azhar, Mesir
3. Kurikulum Diniyah diajar dalam waktu pengajian yang ditetapkan tanpa mengetepikan kurikulum kebangsaan
4. Susunan jadual secara gabungan dan berselang-seli dilaksanakan di peringkat menengah rendah hingga ke peringkat menengah atas, diperakui oleh Jawatankuasa Kurikulum Pendidikan Islam (JKPI) peringkat negeri serta dinilai pengetahuannya melalui peperiksaan pada tahap *thanawi dan 'aliyah*. Contohnya peperiksaan Penilaian Menengah Rendah Ugama (PMRU), Sijil Menengah Ugama (SMU) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

Penubuhan sekolah agama di mana-mana pelosok tanah air ini bukan sekadar melibatkan pembinaan kerangka kurikulum agama sahaja, bahkan turut menggabungkan mata pelajaran moden yang lain mengikut arus perdana sekarang. Misalnya, di Maahad Muhammadi, terdapat 14 mata pelajaran yang diwujudkan iaitu Al-Quran, Tauhid, Ibadat, Akhlak, Bahasa Arab, Qiraah, Nahu Soraf, Khat, Imla', Sirah Nabawiyah, Insyah, Geografi, Kitabah, Mahfuzah, Hisab, Bernasyid dan Riadhah Badaniyyah. Semua bentuk 'madah' pengajian ini terdapat dalam sukatan silibus pengajian Madrasah Muhammadiyah Arabiah di Mesir

KOLEJ DAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM

Pertumbuhan pesat sekolah-sekolah agama dalam melahirkan para ilmuwan Muslim yang memiliki kemahiran dan pengetahuan ilmu duniawi serta ukhrawi adalah hasil daripada kesedaran berhubung kepentingan pengajian Islam itu sendiri menyebabkan masyarakat Melayu mula menyedari keperluan sebuah institusi Islam atau Universiti Islam. Hasil usaha beberapa pihak khususnya oleh Prof. Dr. Zulkifli Muhammad yang mencetuskan idea ini telah menubuhkan sebuah jawatankuasa Pengurus Pertubuhan Kolej Islam bagi mengatur perjalanan sebuah institusi Islam di Malaysia. Penubuhan ini mendapat sokongan yang padu daripada kerajaan Mesir dari semua aspek terutamanya dari sudut kewangan dan tenaga pengajar.

Oleh sebab itu, kurikulum pengajian turut dikaji dan diteliti agar bersesuaian serta relevan dengan persekitaran, iklim, adat dan budaya setempat di Tanah Melayu. Ini juga bererti kepentingan pengaruh dari Universiti Al-Azhar terserlah dalam penyusunan kurikulum pengajian dan pendidikan kolej tersebut. Kini Kolej Islam menjadi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan telah melakarkan perubahan kurikulum bersesuaian dengan fungsinya sebagai sebuah fakulti Pengajian Islam dan memenuhi tuntutan semasa

Selain daripada itu, terdapat pusat pengajian Islam terkenal telah ditubuhkan dan menjadi sebuah badan pengajian Islam yang utama di abad ini. Yayasan Islam Kelantan (YIK) adalah sebuah badan pendidikan di bawah pentadbiran kerajaan negeri Kelantan. Tujuan penubuhan YIK merupakan satu sinergi yang amat signifikan dalam usaha membangunkan satu harakah penyebaran agama Islam dan bahasa Arab yang bersepadu dan jitu di negeri Kelantan. Pada tanggal 1 haribulan Julai, 1974 di bawah Rang Undang-Undang (RUU), Enakmen Kelantan bilangan 9/1968, YIK yang baru ditubuhkan dan pusat pentadbirannya terletak di Lundang, Kota Bharu telah dinamakan sebagai Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) serta kemudiannya ditukarkan kepada Jabatan Sekolah-sekolah Agama Kelantan (JASA) (Mohd Nor, et al., 2012).

Akhir sekali, pada bulan Jun 1979, YIK telah didaftarkan secara rasmi di bawah Rang Undang-Undang (RUU), Enakmen Kelantan Bilangan 5/1979 yang dinamakan sebagai Yayasan Pelajaran Islam Kelantan (YPINK). Bagi memberikan nafas baru, organisasi ini dijenamakan semula melalui pindaan Rang Undang-Undang (RUU), Enakmen Negeri Kelantan, bilangan 8/1982 secara rasmi berkuatkuasa pada tanggal 1 haribulan Mac 1983 dan diberi nama sebagai Yayasan Islam Kelantan (YIK) (Mohd Tayeb dan Syed Annuar, 2018).

Sungguhpun penubuhannya adalah berpunca daripada isu politik yang diusahakan oleh Parti Islam Malaysia (PAS), namun apa yang lebih utama adalah YIK dapat berfungsi sebagai sebuah institusi pengajian Islam yang boleh dibanggakan kerana telah berjaya mengkoordinasi dan memantapkan ajaran agama Islam serta bahasa Arab di samping menjadi sebahagian daripada

Akademi Pengajian Islam yang turut menggabungkan Akademi Islam dan Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaya (Majalah Sekolah dan Takwim Hijrah, Edisi 2014/2015). Kurikulum pengajiannya turut berubah mengikut arus peredaran dan memenuhi tuntutan semasa dan lebih bersesuaian dengan multi-disiplin pengajian. Ini adalah hasil daripada integrasi ilmu yang diserap masuk daripada sistem Universiti Al-Azhar. Bagi melengkapkan lagi proses pengurusan organisasi YIK, kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan pembangunan komprehensif seperti mewujudkan jabatan pengurusan, meningkatkan bilangan kakitangan sama ada guru atau bukan guru, serta mengukuhkan kemahiran penggunaan ABM yang terkini

Sekolah-sekolah agama yang diuruskan oleh YIK pula adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri Kelantan melalui Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Pihak MAIK akan menggubal kurikulum pengajian dan pelaksanaan peraturan pembayaran gaji kakitangan tertakluk kepada Jawatankuasa Kemajuan Sekolah (JKS). Antara senarai sekolah di awal penubuhan YIK ialah:

1. Maahad Muhammadiyah di Kota Bharu iaitu Maahad Muhammadi Lelaki (MML) dan Maahad Muhammadi Perempuan (MMP)
2. Maahad Falahiah di Pasir Pekan dan Tumpat iaitu Maahad Muhammadi Pasir Pekan dan Maahad Muhammadi Tumpat
3. Maahad Amir Indera Petra di Beris Kubor Besar, Bachok
4. Maahad Yaakubiah di Nipah, Bachok
5. Maahad Arabiah di Pasir Mas
6. Maahad Syamsul Maarif dikenali sebagai Maahad Tahfiz Qiraat di Pulau Chondong, Machang

Tidak dinafikan, YIK sekarang ini dikatakan sebagai institusi berharga kerana dapat melahirkan agamawan yang professional sehingga mampu menenggelamkan persepsi bahawa pilihan sekolah agama hanyalah untuk pelajar yang lemah sahaja. Berikut adalah sebahagian tugas di bawah bidang kuasa YIK. Antaranya ialah:

1. Menubuhkan sekolah-sekolah menengah agama (Arab) di bawah kelolaan kerajaan negeri atau sekolah bantuan kerajaan negeri di seluruh daerah negeri Kelantan
2. Menubuhkan sebuah tempat khusus mempelajari bahasa Arab iaitu Pusat Bahasa Arab di Nilam Puri, Kota Bharu
3. Menubuhkan sebuah tempat pengajian Islam iaitu Pusat Pengajian Pondok, Telong, Kandis, Bachok
4. Menubuhkan sebuah pusat pendidikan awal kanak-kanak iaitu Tadika Tengku Anis di Kampung Sireh, Kota Bharu
5. Menubuhkan sebuah pusat pengurusan kewangan khusus untuk pemantapan dan pembangunan pendidikan negeri Kelantan
6. Menaiktaraf tahap pendidikan menerusi sekolah-sekolah agama supaya seimbang dan tidak dipinggirkan selain dapat memenuhi aspirasi keislaman dalam anggota masyarakat dan negara
7. Menjadikan sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan sebagai nadi penggerak kepada pusat pengajian tinggi dalam dan luar negeri.
8. Mewujudkan pusat-pusat pengajian tahfiz Al-Quran
9. Membangunkan pusat-pusat pendidikan Islam khusus buat warga emas di Kelantan
10. Mengadakan tempat pengajian Islam secara *talaqqi* di sekolah pondok

Berikut juga adalah senarai bagi kolej dan kolej universiti di Malaysia yang menawarkan Pengajian Islam secara khusus ataupun tidak dalam pelbagai bidang keilmuan Islam yang ada di Malaysia. Kesemua Kolej dan Kolej Universiti ini diletakkan di bawah pengawasan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT):

1. Kolej Islam Antarabangsa
2. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)
3. Kolej Islam Darul Ridzuan

4. Kolej Islam Johor
5. Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah
6. Kolej Islam Sains dan Teknologi
7. Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB)
8. Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka
9. Kolej JAIPUTRA (Kolej Jamiah Islamiah Putra)
10. Kolej Pengajian Tinggi Islam Johor (MARSAH)
11. Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis
12. Institut Kemajuan Ikhtisas Pahang (IKIP)
13. Institut Antarabangsa IQRA
14. Kolej Universiti Insaniah (KUIN)
15. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
16. International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)

UNIVERSITI ISLAM

Untuk konteks dunia moden ini, Universiti Islam merupakan institut pengajian tinggi Islam yang berbeza dengan yang lain kerana ianya lebih menekankan kepada teras keagamaan dan bertujuan untuk melahirkan siswazah Muslim yang beraliran pengajian Islam seperti tauhid, syariah serta akhlak. Berhadapan dengan pandangan konvensional ini, pencapaian semasa jika dibandingkan dengan siswazah bukan pengajian Islam yang dilaporkan telah menghadapi sindrom penyakit sahsiah dan nilai pencapaian akademik yang sederhana berbeza dengan produk bermutu yang dihasilkan oleh IPTA atau IPTS aliran Islam yang berjaya melahirkan graduan bukan sahaja cemerlang akademik bahkan baik akhlaknya (Abdul Rahim dan Awang, 2003).

Dalam soal institusi pengajian tinggi Islam di Malaysia, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) di Universiti Malaya agak bertepatan dengan ciri-ciri keilmuan dan keIslaman yang ada. APIUM telah berjaya menjadi salah sebuah fakulti yang memiliki pakej pengajian Islam yang lengkap dengan tujuan untuk melahirkan ahli ilmunan Islam dan teknokrat Islam kontemporari yang mantap dari semua aspek. Pada asalnya, APIUM dikenali sebagai Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) telah mengalami beberapa transformasi pembentukan sehinggalah berperanan besar dalam menyebarkan kerelevanan dan kebolehpasaran siswazah Muslim di peringkat global (Ruzman Md Noor *et al.*, 2013)

Menurut Md Noor, *et al* (2013) lagi, fasa pertama APIUM telah menubuhkan akademi Islam dengan dua buah fakulti iaitu Usuluddin dan Syariah Islamiah serta memperkenalkan kursus pendidikan Islam di peringkat ijazah sarjana muda. Seterusnya bagi fasa kedua, fakulti-fakulti yang ada di bawah Akademi Islam telah bergabung dengan fakulti sastera dan sains sosial di bawah Jabatan Pengajian Islam lalu membentuk Akademik Pengajian Islam. Fasa ini telah berjaya mewujudkan beberapa buah jabatan dan program pengajian seperti Jabatan Fiqh dan Usul, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Jabatan Syariah dan Pengurusan, Jabatan Siasah Syari'yyah, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Program Pendidikan Islam, Program Sains Gunaan Dengan Pengajian Islam dan Program Pengajian Islam. Akhir sekali bagi fasa ketiga ialah melakukan pemantapan di antara fakulti dengan kursus pengajian yang lain. Contohnya, Fakulti Sains. Kemudiannya, memperkenalkan program asasi pengajian Islam bagi meluaskan lagi laluan ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Dari segi kurikulumnya pula, APIUM ini menggunakan dua kaedah pedagogi iaitu Problem Based Learning (PBL) dan kaedah penguasaan bahasa Arab bagi menjana Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan siswazah. Selain itu, APIUM juga cuba mengubahsuai sistem pengajian Islam secara tradisional melalui paradigma bersifat interaktif bagi meningkatkan aspek pendekatan tutorial secara berpusatkan pelajar, pengiraan jam kredit, kemahiran ICT moden atau e-learning, program latihan industri ataupun perkongsian pintar, memperkenalkan bengkel atau program Islamik dan program simulasi dengan gaya pembelajaran sebenar.

Walau bagaimanapun, ini adalah sebahagian misi, visi dan kaedah yang khusus telah digunakan bagi memastikan perkembangan pengajian Islam mengikut kesinambungan arus

pemodenan negara dan dunia. Selepas daripada itu, muncul beberapa lagi IPTA berkonsep Islamik yang menjadi suatu identiti kepada kemegahan pengajian Islam di negara ini iaitu enam buah universiti awam yang menjadi penggerak utama kepada proses Islamisasi ilmu dalam bidang pengajian Islam di Malaysia seperti Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Universiti Darul Iman (UDM) (Panel Penyelidik, 2010).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, institusi pondok, sekolah, Kolej, Kolej Islam dan Kolej Universiti dan universiti telah menggalas tanggungjawab penting dalam pembangunan Pengajian Islam di Malaysia. Institusi tersebut telah melahirkan ramai pelajar dan graduan dalam bidang Pengajian Islam. Variasi Pengajian Islam dalam skop perkembangan masyarakat dan negara pada masa kini, memerlukan penyelidikan yang tuntas mengenai hala tuju Pengajian Islam di Malaysia. Sesungguhnya jumlah dan kerencaman pusat-pusat pengajian ini dalam langkah serta tindakan pelaksanaannya tidak perlu dilakukan alasan mengapa matlamatnya tidak boleh digabungkan dan kenapa sasarannya tidak dapat ditumpukan kepada halatuju yang lebih mantap dan berdaya saing. Pada abad ke-21 yang dipenuhi dengan cabaran globalisasi ini seharusnya dijadikan titik-tolak untuk melihat sejauh mana Pengajian Islam yang lepas telah berjaya menangani cabaran semasa dan memenuhi hasrat serta aspirasi negara. Kini, tibalah masanya untuk mengetengahkan hala tuju Pengajian Islam, khususnya di peringkat universiti yang lebih selari dengan kehendak dan tuntutan semasa yang lebih mencabar dan sesuai dengan kehendak Negara

BIODATA

Muhammad Zulazizi Mohd Naw merupakan bekas pelajar (alumni) Sarjana Pendidikan Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

RUJUKAN

- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rahim, R. A. dan Awang, I. (2003). "Usaha Memperkasakan Institusi Pendidikan Islam Di IPTA Malaysia : Satu Analisa Terhadap Pengalaman APIUM". *Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, Anjuran Fakulti pendidikan UTM* . Fakulti pendidikan UTM.
- Abdullah, S. (2014) *Pemikiran Tokoh Ulama Banjar Kedah / Suhanim Abdullah*. Penerbit UTHM, Batu Pahat. ISBN 978-967-0468-41-9.
- Dusuki, A.W. (2016, September 11). *Utusan Online*. Retrieved Oktober 23, 2018, from Utusan Online: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/perkasa-institusi-pondok-1.381340>
- Maimun Aqsha Lubis et al. (2016). *Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia*. In The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education.
- Majalah Sekolah dan Takwim Hijrah, Edisi 2014/2015. Maahad Pengajian Islam-Yayasan Islam Kelantan.
- Mat Diah, A. H. (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia
- Md Noor, R., Affandi, R., Abd Majid, M. K., Ali, A. K., Abd Kadir, N. A., Syed Jaafar, S. M. J dan Yusoff, N. (2013). *Peranan IPT Islam Dalam Pembangunan Modal Insan di Malaysia: Satu Analisis*. Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan, UM, Malaysia.
- Mohd Hanif Mat Nor. (2003). *Sekolah Agama Rakyat – Mengapa Menjadi Pilihan Ibu Dewan Agama dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mohd. Hanif Mat Nor. (2003). Sekolah Agama Rakyat – Mengapa Menjadi Pilihan Ibu *Dewan Agama dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Bil. 3: 14-17.
- Mohamad Yusoff, M. H dan Hashim, A. (2017) *Amalan pengajaran guru dalam kurikulum Al-Azhar di sekolah menengah agama negeri di Kelantan*. Masters thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamad Rawi, M., Baharudin, H., Aqsha Lubis, M., dan Romli, S. A. (3AD). Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia. (2015). In M. Aqsha Lubis, S. H. Ahmad Shah, W. N. F. Mat Daud, dan N. Kifli (Editor.), *Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Poltan-Ukm-Polimed)*. Bandar Baru Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Nor, M. R. dan Wan Othman, W. M. T. (2011) *Sejarah dan perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia*. At-Ta'dib - Jurnal Kependidikan Islam, 6(1), 59-78. ISSN 0216-9142
- Mohd Nor, M. R., Berahim Ibrahim, A. Z., Faisal Abdul Hamid, F. A., Jalani, H. dan Mhd Ramli, M. F. (2012). Islamic Educational System in Kelantan, Malaysia: Traditional and Modern Approaches. *Middle-East Journal of Scientific Research*, 11(9), 1238-1243
- Mohd Tayeb, A dan Syed Annuar, S. N. (2018). Federalisme dan pengurusan pendidikan Islam di Kelantan. *Kajian Malaysia* 36(2): 89–111. <https://doi.org/10.21315/km2018.36.2.5>
- Muhamad, A. D. (2016). Pengaruh Timur Tengah terhadap Madrasah al-Mashoor al-Islamiah, *Jurnal Sains Humanika UTM* 8(3-2), 109-115. E-ISSN 2289-6996.
- Panel Penyelidik. (2010). *Hala tuju Pengajian Islam*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Tinggi.
- Suhid, A., Ahmad, A. M., Mohd Sabri, S., & Mohamad, A. E. (2015). Pendidikan untuk Semua: Amalannya dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)*, 1(2), 1–7.
- Tamuri, A. H. & Jasmi, K. A. (2009) *Nilai, amalan, dan Sistem Pendidikan Masyarakat Melayu Islam selepas penjajahan Barat hingga kini / Ab. Halim Tamuri, Kamarul Azmi Jasmi*. In: Peradaban Arab-Islam dan Masyarakat Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 35-37. ISBN 978-983-9368-43-7
- Umar, A dan Hussin, S. (2007). Sekolah Agama Rakyat : Kedudukan dan Konfliknya Dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan. Prosiding Ini Telah Dibentangkan Dalam Seminar Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Negara Kali Ke-3 Anjuran Fakulti Pendidikan Ukm Pada 13 Hingga 14 Februari 2007 Bertempat Di Esset, Bangi.
- Umar, A dan Hussin, S. (2008). Pembangunan Sekolah Agama Rakyat Di Malaysia : Kajian Perbandingan Pelaksanaannya Semasa Tamadun Andalusia. Dlm, Prosiding Ini Telah Dibentangkan Dalam Seminar Antarabangsa Andalusia 1300 Tahun Anjuran Universiti Sains Malaysia Pada 4 Hingga 5 Mac 2008 Bertempat Di Usm, Penang.
- Umar, A dan Hussin, S. (2008). Hubungan Malaysia dan Mesir Dalam Membangunkan Kurikulum Diniyah Di Sekolah Agama Rakyat : Suatu Kajian Perkembangan dan Cabaran Di Kelantan. Kertas Kerja Ini Telah Dibentangkan Dalam Seminar Kebangsaan „Malaysia-West Asia Relations: Prospect & Challenges“ Anjuran Institut Kajian Rantau Asia Barat (Ikrab) Pada 1 Hingga 2 Disember 2008 Bertempat Di Bilik Senat Ukm.
- Yusopp, A. (2002). Kurikulum baru Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Malaysia menghadapi era globalisasi. Prosiding Wacana Pendidikan Islam (Siri 1). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. hlm.1-9